

Headline	Ubah cara fikir, beri peluang kepada penagih		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 May 2017	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	338 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 696
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,088



Ubah cara fikir, beri peluang kepada penagih

IANYA mengejutkan untuk mendengar bahawa Agensi Anti-Dadah Kebangsaan merekodkan seramai 127,606 penagih dadah antara 2013 dan 2015.

Mengikut kaum, Melayu mempunyai bilangan paling ramai dengan 100,240 penagih dadah (78.54 peratus) daripada jumlah keseluruhan dalam tempoh tersebut.

Perkara paling membimbangkan tentang ini adalah 88,597 daripada mereka adalah penagih baharu sementara 39,009 lagi kembali menagih.

Ini dipanggil pesalah berulang.

Salah satu prinsip asas kriminologi adalah sebahagian kecil individu melakukan sebahagian besar jenayah. Data daripada kajian kohort Philadelphia yang terkenal oleh Marvin Wolfgang mencadangkan bahawa sekitar 5 peratus pesalah merupakan 40 peratus daripada jenayah tersebut.

Terdapat dua penjelasan untuk bilangan pesalah berulang yang tinggi. Pertama, individu impulsif, dengan hubungan sosial yang lemah dengan orang lain lebih cenderung untuk terlibat dengan masalah lebih kerap berbanding mereka yang kurang impulsif dan lebih bersosial.

Kedua, orang ramai yang terdedah kepada lebih banyak peluang jenayah dan gangguan mengambil kesempatan ke atas penagih dadah sedemikian.

Pengurus polisi Majlis Aids Malaysia (MAC) Fifi Rahman baru-baru ini menyatakan bahawa halangan terbesar untuk mengurangkan kebergantungan dadah di Malaysia adalah penjenayahan penagih dan kurangnya khidmat sokongan untuk mencegah berbalik kepada menagih.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM7.9 juta dari 2013 sehingga tahun lepas untuk pemulihan dan rawatan penagih dadah. Program itu jelas tidak berkesan.

Ada yang berpendapat bahawa memenjarakan penagih dadah bukan jawapan kepada masalah dadah. Dalam kebanyakan kes, pesalah yang dibebaskan dari penjara tidak menghentikan tabiat dadah mereka

dan menjadi pesalah berulang. Malah, di penjara itu sendiri, bukan penagih dan penagih dadah baharu bergaul dengan penagih dan pengedar dadah dan tabiat itu muncul ataupun bertambah buruk.

Ramai penagih dadah kecil-kecilan "menaik taraf" diri mereka untuk menjadi pengedar.

Ada juga yang menyertai sindiket dalam ekonomi bawah tanah.

Ia sukar untuk penagih mengatasi tabiat itu kerana stigma dan label yang diletakkan masyarakat ke atas mereka.

Kebanyakan penagih dadah tidak mendapatkan rawatan kerana malu atau takut dengan kesan sosial dan kekangan undang-undang. Satu kajian yang dijalankan oleh Tam Cai Lian dan Foo Yie Chu menandakan bahawa di Malaysia pengaruh rakan sebaya dan rasa ingin tahu adalah faktor penyumbang kepada penyalahgunaan dadah.

Lebih banyak kajian harus dijalankan secara saintifik untuk mencari faktor penyumbang utama.

Ia mungkin disebabkan oleh masalah sosio-ekonomi, permintaan dan bekalan, penguatkuasaan lemah, isu integriti, isu sempadan, kurang langkah pencegahan, globalisasi dan teknologi membenarkan sindiket pengedaran dadah untuk menye-

ludup dadah ke dalam negara kita. Jika permintaan terus meningkat, tidak akan ada penamat kepada pengedaran dadah.

Memandangkan dadah adalah masalah global, ia melibatkan sindiket transnasional. Raja dadah ini mempunyai kenalan, rangkaian dan hubungan yang baik di Malaysia.

Menurut polis, dari 2009 sehingga 2015, sindiket dadah utama datang dari Nigeria dan China tetapi menghantar keldai dadah ke negara-negara Amerika Selatan. Industri berbilion ringgit itu melibatkan sekitar 30 sindiket dari dua pemain dominan – Iran dan Nigeria. Warga Nigeria merekrut wanita Malaysia sebagai keldai dadah, dengan 185 daripada mereka ditahan antara

2012 dan 2015.

Untuk menangani masalah ini, negara memerlukan pegawai penguatkuasa undang-undang terlatih dan berintergriti tinggi serta keupayaan perisikan yang tinggi. Bagaiamanapun, mengumpul maklumat yang boleh dipercayai bukan satu tugas mudah.

Banyak daripada kesalahan itu tidak mempunyai mangsa, di mana tiada pihak ingin membawa perkara tersebut kepada pihak berkuasa.

Kita perlu memberi perhatian lebih kepada sindiket tempatan dan antara-bangsa untuk membawa mereka ke muka pengadilan.

Semua agensi penguatkuasaan undang-undang berkaitan harus bekerjasama dan saling bertukar maklumat mengenai pengedaran dadah. Dari segi memulihkan

penagih, mereka memerlukan kerja untuk menyara kehidupan dan melepaskan diri daripada tabiat itu.

Majikan perlu mengelakkan salah faham bahawa mengambil pekerja yang pernah melalui pemulihan adalah sangat berisiko dan berbahaya. Setiausaha Pencen dan Kerja di Britain menyatakan bahawa bekas penagih dadah boleh menjadi seorang pekerja yang baik.

Dia telah menggariskan skim baharu yang didedikasikan untuk mendapatkan tuntutan kebajikan mereka dengan masalah alkohol dan dadah ke alam pekerjaan. Malah, satu syarikat di Houston di Amerika Syarikat menggunakan internet untuk menyokong pengambilan golongan pencari kerja ini yang diabaikan majikan seperti bekas pesalah dan mereka yang sedang pulih daripada penyalahgunaan dadah.

Ini adalah langkah baik untuk mengelakkan pesalah berulang.

Kita perlu mencari jalan penyelesaian ke atas masalah besar di masyarakat kita ini atau kita semua akan menanggung akibatnya. Kita perlu bangkit dan melawan.

Datuk Akhbar Satar
Institut Jenayah & Kriminologi
Universiti HELP